ISA ABDUL RAHMAN & YANG LAIN

lwn.

MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG (2)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
MOHAMED DZAIDDIN H
[GUAMAN NO. 22-441-90]
9 SEPTEMBER 1991

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi interlokutori - Tujuan memelihara status quo kedua-dua pihak - Kriteria - Samada wujud isu boleh bicara - Samada gantirugi mencukupi - Imbangan kemudahan.*

Pemohon memohon perintah injunksi interlokutori melarang defendan menutup mana-mana bahagian, meroboh atau menghalang plaintif dan masyarakat Islam beribadah di Masjid Jamik Haji Wahab (masjid tersebut) sehingga penyelesaian perbicaraan guaman sivil ini.

Pemohon telah menghujah bahawa rancangan defendan meroboh masjid tersebut dan membina bangunan komersial di tapak masjid itu adalah bertentangan dengan kehendak pewasiat, undang- undang negeri dan Hukum Syarak. Tujuan pemohon membuat permohonan injunksi ini ialah untuk memelihara *status quo* sehingga perbicaraan penuh guaman sivil ini.

Diputuskan:
[1] Mahkamah berpuashati bahawa dalam kes ini plaintif telah dapat membuktikan satu isu perbicaraan dalam pernyataan tuntutan mereka.

[2] Memandangkan kepada isu yang dipertikaikan dalam kes ini, Mahkamah berpendapat bayaran gantirugi bukan suatu remedi yang mencukupi.

[3] Andainya terdapat kesilapan dalam keputusan Mahkamah mengenai faktor pertama dan kedua itu tadi, perlulah pula Mahkamah menimbangkan soal imbangan kemudahan (balance of convenience).

[4] Memandangkan kedudukan kes ini keseluruhannya, Mahkamah berpendapat imbangan kemudahan sangatlah menyebelahi pihak plaintif. Sekiranya plaintif berjaya kelak, akan timbul soal kerumitan bagi mentaksirkan kerugian yang dialami oleh mereka dan orang Islam kerana masjid berkenaan telahpun diroboh. Sebaliknya jika defendan berjaya dalam kes guaman ini, mereka tetap boleh meneruskan rancangan mereka memajukan tapak tanah masjid tersebut.

[Permohonan plaintif diluluskan dengan kos.]

Kes yang dirujuk:
American Cyanamid Co lwn. Ethicon Ltd. [1975] AC 391 ***(diikuti)***

Bagi pihak plaintif - Haji Sulaiman Abdullah
Bagi pihak defendan - Ghazi Ishak

PENGHAKIMAN

Mohamed Dzaiddin H:

Di dalam permohonan ini pihak plaintif memohon satu perintah injunksi interlokutori melarang atau menghalang pihak defendan, ajen-ajennya, wakil-wakilnya atau mana-mana pihak menutup semua atau mana-mana bahagian, meroboh atau menghalang pihak plaintif dan masyarakat Islam umumnya membuat ibadah sembahyang di Masjid Jamik Haji Wahab, Simpang Enam,

Jalan Macalister, George Town, Pulau Pinang (masjid tersebut) sehingga penyelesaian perbicaraan guaman sivil ini. Permohonan ini disokong oleh afidavit yang diikrar oleh plaintif pertama pada 12 Oktober 1991 (lampiran 21).

Beberapa alasan telah disarankan oleh pihak plaintif melalui afidavit tersebut menunjukkan kepada Mahkamah ini mengapa permohonan ini perlu dibenarkan. Salah satu alasan yang penting adalah bagi mengekalkan *status quo* masjid tersebut sehingga selesainya perbicaraan kes guaman ini. Adapun tujuan injunksi interlokutori ialah memelihara kedudukan satu satu perkara sehingga perbicaraan keatas perkara tersebut diputuskan.

Sayugia di ketahui, didalam kes ini pihak plaintif telah menuntut supaya Mahkamah ini membuat pengisytiharan bahawa cadangan pihak defendan meroboh masjid tersebut dan membena bangunan komersial di tapak masjid adalah tidak sah atas alasan tindakan tersebut bertentangan dengan kehendak-kehendak pewasiat, Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam dan Hukum Syarak. Pada 26 Julai 1991 yang lalu, di atas rayuan pihak defendan membatalkan writ dan pernyataan tuntutan pihak plaintif di dalam guaman ini saya telah membuat penghakiman bahawa Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa membicara kes guaman ini (lihat [1992] 1 CLJ (Rep) 463). Dalam penghakiman tersebut saya telah menyuarakan pendapat bahawa samada plaintif dapat membukti tuntutan mereka bagi mendapat pengisytiharan yang dipohonkan hanya boleh ditentukan di dalam perbicaraan yang penuh.

Maka berdasar kepada alasan plaintif bahawa *status quo* patut dipertahankan, adalah wajar bagi Mahkamah ini didalam menjalankan kuasa budibicaranya meneliti sama ada kepentingan pihak plaintif dipelihara sehingga perbicaraan selanjut di Mahkamah terbuka. Kriteria yang mesti dipegang dan dijadi sebagai panduan kepada Mahkamah untuk membenar atau tidak satu-satu permohonan injunksi interlokutori adalah terdapat di dalam kes *American Cynamid Co. lwn. Ethicon Ltd.* [1975] AC 391 di dalam mana Lord Diplock telah mengemukakan garis panduan untuk rujukan hakim-hakim. Faktor yang pertama di dalam garis panduan tersebut adalah sama ada terdapatnya di dalam kes guaman ini isu yang boleh dibicara. Maksudnya, Mahkamah mestilah berpuashati bahawa tuntutan plaintif di dalam guaman ini bukanlah tuntutan yang boleh disifatkan sebagai remeh atau menyusahkan (frivolous or vexatious). Di dalam lain-lain perkataaan terdapatnya satu isu yang penting untuk dibicarakan. Memandang kepada penghakiman saya pada 26 Julai 1991 (lihat [1992] 1 CLJ (Rep) 463) yang sudah di dalam mana saya berpendapat bahawa pihak plaintif telah membuktikan satu isu perbicaraan (triable issue) di dalam pernyataan tuntutan mereka, maka saya berpuashati disini bahawa faktor pertama telah dibuktikan.

Soal yang kedua di dalam prinsip *American Cynamid* adalah sama ada bayaran gantirugi mencukupi untuk pihak plaintif sekiranya mereka berjaya kelak didalam perbicaraan terbuka. Memandang kepada isu yang dipertikaikan di dalam kes ini, iaitu soal untuk mengekalkan Masjid Jamik ditempat yang asal, saya berpendapat bayaran gantirugi bukanlah satu remedi yang mencukupi. Pada hematnya, sekiranya pihak plaintif berjaya membuktikan kes mereka kelak tentu sekali gantirugi bukan remedi yang wajar bagi mereka.

Sebaliknya, jikalau terdapat kesilapan dalam keputusan saya mengenai soal gantirugi dan timbul pula keraguan samada gantirugi itu cukup atau tidak, maka terpaksalah saya menimbang soal imbangan kemudahan (balance of convenience). Memandang kepada kedudukan kes sini pada keseluruhannya, saya berpendapat imbangan kemudahan sangatlah menyebelahi pihak plaintif. Sekiranya pihak plaintif berjaya kelak, maka akan timbul soal kerumitan bagi mengtaksirkan kerugian yang dialami oleh mereka dan orang Islam kerana Masjid Jamik di atas tapak yang asal telahpun diroboh. Sebaliknya, jikalau pihak defendan berjaya di dalam kes guaman ini mereka boleh meneruskan dengan rancangan mereka untuk memajukan tapak

tanah masjid tersebut. Hanyalah pada waktu ini rancangan itu ditangguhkan sehingga selesai perbicaraan kes guaman ini. Pendek kata, jikalau permohonan plaintif ini ditolak nescaya *status quo* atau keadaan yang terdapat sehingga ini diatas tanah masjid akan hilang dan luput.

Berdasar kepada beberapa faktor yang saya huraikan di atas dengan panduan kepada autoriti *American Cynamid*, saya berkeputusan bahawa di dalam menjalankan kuasa budibicara saya di dalam kes seumpama ini permohonan pihak plaintif dibenar bagi mengekalkan *status quo* sehingga tercapainya keputusan perbicaraan kes guaman ini. Bagaimanapun, saya mengarah supaya perbicaraan kes guaman ini ditetapkan dengan secepat mungkin dan pihak Pendaftar akan memberi tarikh yang awal dan segera apabila pliding ditutup.

Di dalam afidavit bantahan yang difail bagi pihak defendan oleh Yusof bin Hj. Mat Rejab, selaku Setiausaha Majlis (lampiran 24), beliau telah menimbulkan dua perkara yang membolehkan Mahkamah ini menolak permohonan pihak plaintif. Isu-isu ini dihujahkan oleh En. Ghazi, peguam defendan. Beliau berhujah bahawa pihak plaintif telah melakukan ketinggalan fakta yang penting mengenai soal *"locus standi"* plaintif pertama di dalam tuntutan ini. Kedua, Ghazi juga menyatakan bahawa masih terdapat satu perintah Mahkamah terhadap plaintif pertama di dalam Guaman 22-353-1990 yang belum diketepikan. Mengikut guaman tersebut, Encik Ghazi telah juga membangkitkan soal *'res judicata'* atas alasan bahawa di dalam Guaman 22-353-1990 pihak defendan telah mendapat penghakiman ingkar terhadap plaintif pertama dan beliau belum mengambil apa-apa tindakan selanjut untuk mengenepi penghakiman tersebut.

Setelah meneliti hujah balas oleh Haji Sulaiman serta mengkaji autoriti-autoriti yang bersangkutan, saya berpendapat isu-isu yang dibangkitkan oleh defendan tidak menjejas permohonan ini. Mengenai soal *'res judicata'* saya berpendapat kausa tuntutan kes guaman ini adalah tidak sama dengan apa yang di tuntut di dalam Guaman 22-353-90. Plaintif kedua tidak pula dijadikan pihak di dalam kes tersebut. Dalam soal *"locus standi"* pula, isu ini hanya dibangkitkan di dalam afidavit pihak defendan. Pada hemat saya, isu ini patut dijadikan satu isu di dalam pembelaan yang belum lagi dimasukkan oleh defendan. Bagaimanapun, pihak defendan sepatutnya mempertikaikan soal ini di dalam permohonan defendan yang lalu dalam mana mereka telah menyoal bidangkuasa Mahkamah membicarakan kes guaman ini. Tambah pula, pada penghakiman saya isu, *"locus standi"* perlu dibicarakan di dalam perbicaraan penoh.

Akhir kata, permohonan ini dibenar sehingga perbicaraan penuh kelak dan keutamaan diberi untuk kes guaman ini dibicara dengan lebih awal setelah pliding ditutup.

Also found at [1992] 1 CLJ 68